



Ketua Setiausaha Perbendaharaan
(Secretary General of Treasury)

Kompleks Kementerian Kewangan
No.5, Persiaran Perdana
Presint 2
62592 PUTRAJAYA
Tel. : 03-88823333
Telefaks : 03-88824224
Telex : FEDTRY MA 30242
Laman Web : www.treasury.gov.my

SULIT

MOF.DS(S)600-40/3/3 (27)

12 Mei 2020

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

BANTUAN KHAS AIDILFITRI *CONTRACT FOR SERVICE* TAHUN 2020

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan bersetuju untuk memberi Bantuan Khas Aidilfitri *Contract For Service* kepada individu *contract for service* yang disetarakan pada gred 56 dan ke bawah sebanyak RM500.00. Sehubungan itu, semua individu *contract for service* yang masih berkhidmat pada 20 Mei 2020 layak menerima Bantuan Khas Aidilfitri *Contract For Service*.

3. Pesara Perkhidmatan Awam yang sedang berkhidmat secara *contract for service* dan masih berkhidmat pada 20 Mei 2020 layak diberi Bantuan Khas Aidilfitri pada kadar RM500.00. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh Jabatan di mana individu *contract for service* bertugas.

SULIT

SULIT

4. Bantuan Khas Aidilfitri *Contract For Service* ini hanya diberikan kepada individu *contract for service* warganegara Malaysia dan akan dibayar pada 20 Mei 2020.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ASRI BIN HAMIDON)

s.k.:

Ketua Setiausaha Negara

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Ketua Audit Negara

Akauntan Negara Malaysia